



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS: 10 OGOS 2017**

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.10 HINGGA NO. 91 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]**

**TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 10**

**Tuan Liew Chin Tong** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik purata bilangan warganegara Malaysia dan bukan Malaysia, serta purata bilangan kereta dan motosikal berdaftar Malaysia yang menyeberangi Tambak Johor dan Jambatan Linkedua setiap hari dari Johor Bahru ke Singapura, bagi tahun 2013 hingga 2017.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai sebarang maklumat berhubung purata bilangan warganegara Malaysia dan bukan Malaysia yang menyeberangi Tambak Johor dan Jambatan Linkedua setiap hari dari Johor Bahru ke Singapura.

Walau bagaimanapun, bagi statistik purata bilangan kereta dan motosikal berpendaftaran Malaysia yang menggunakan kedua-dua laluan untuk ke Singapura adalah dianggarkan sebanyak 6,000 kereta dan 1.4 juta motosikal setiap hari. Bilangan motosikal didapati lebih tinggi di Linkedua disebabkan ramai warga negara kita yang berkerja di kawasan perindustrian dan pelabuhan di sebelah Tuas di Singapura yang lebih gemar menggunakan motosikal berbanding kereta.

Kementerian Pengangkutan juga akan memperkenalkan suatu kawalan kemasukan kenderaan asing yang lebih ketat dan sistematik iaitu pelaksanaan sistem Vehicle Entry Permit (VEP). Sistem VEP ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama akan dikuatkuasakan di pintu sempadan Malaysia-Singapura mulai bulan September 2017.

Sistem VEP merupakan inisiatif terbaik untuk dilaksanakan bagi mendaftar maklumat kenderaan dan merekodkan pergerakan keluar masuk kenderaan asing yang melalui sempadan Singapura. Langkah ini penting untuk mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dan

kawalan sempadan bagi kepentingan negara. Selain itu, ianya juga dijangka akan dapat mengesan kenderaan-kenderaan yang memasuki Malaysia melebihi had masa yang ditetapkan dan seterusnya dapat membantu untuk membanteras kegiatan kereta klon.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK  
DAGANG [KANOWIT]**

**TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 11**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian boleh mempertimbangkan kaedah alternatif untuk bekalan air seperti "*stand-alone*" water treatment plant bagi rumah-rumah panjang di luar bandar Sarawak di mana tekanan air yang dibekalkan oleh Water Board / JKR sangat lemah dan amat menjadi masalah terutama semasa musim perayaan seperti Gawai.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, skop program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kementerian ini adalah untuk membantu Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dalam memperluaskan liputan bekalan air di kawasan luar bandar di seluruh Sarawak. Manakala, program BALB Alternatif di Kementerian ini adalah untuk penduduk di kawasan luar bandar yang tidak dapat dibekalkan air melalui sistem retikulasi disebabkan faktor jarak dan geografi.

Oleh yang demikian, sekiranya kawasan tersebut mengalami masalah tekanan air, perkara ini boleh dirujuk dengan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak memandangkan ianya termasuk dalam skop pengoperasian dan penyelenggaraan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak yang terlibat di kawasan berkenaan.